



Jun Hoong (kiri) dan Jellson menunjukkan pingat emas 10m papan anjal seirama campuran yang mereka menangi, semalam.

KEJOHANAN TERJUN FINA GP

Jellson, Jun Hoong tuai emas



Persembahan saya tak konsisten mungkin disebabkan saya rasa agak penat kerana tidak cukup rehat”

Jellson Jabilin,
Penerjun muda negara

➔ Latihan dua minggu berjaya mantapkan persembahan

Oleh Jumiati Rosly
jumiati@bh.com.my

✦ **Kuala Lumpur**

Biarpun baru dua minggu di-gandingkan, Jellson Jabilin yang bergandingan dengan juara dunia, Cheong Jun Hoong berjaya menghadihkan pingat emas sulung negara pada hari kedua Kejohanan Terjun Grand Prix Kuala Lumpur FINA, semalam.

Dalam acara 10 meter platform seirama campuran itu, Jellson-Jun

Hoong mengumpul 310.20 mata untuk pingat emas diikuti satu lagi pasangan negara, Syahmi Rezal-Leong Mun Yee (296.10 mata) untuk perak sementara gangsa milik penerjun Korea Selatan, Kim Jeong Nam-Cho Eun Bi (295.80 mata) di Pusat Akuatik Nasional.

“Persembahan saya tak konsisten mungkin disebabkan saya rasa agak penat kerana tidak cukup rehat selepas acara pagi tadi (menang perak acara 10m platform seirama lelaki bergandingan dengan Hanis Nazirul Jaya Surya).

“Tapi jika dilihat pada prestasi masa, saya rasa semakin meningkat,” kata Jellson yang berusia 16 tahun.

Jellson, Nazirul menang perak

Jun Hoong yang masih dibelenggu kecederaan belakang pula berkata dia tidak berpuas hati dengan terjunannya biarpun berjaya memenangi emas.

“Saya masih terasa sakit tapi masih boleh dikawal. Mungkin sebab perlu tunggu lama (acara terakhir), sebab itu saya rasa terjunan keras sedikit,” katanya yang menyertai satu acara pada GP kali ini.

Secara keseluruhan skuad negara meraih satu emas, tiga perak dan satu gangsa pada hari kedua kejohanan semalam. Sementara itu, satu perak lagi disumbang oleh pasangan negara, Ahmad Amsyar Azman-Ooi Tze Liang dalam acara 3m papan anjal seirama lelaki manakala Nur Dhabitah Sabri meraih gangsa dalam acara 3m papan anjal individu wanita.

Terdahulu, Jellson bersama gandingan Hanis Nazirul Jaya Surya meraih pingat perak sulung mereka menerusi acara 10 meter platform seirama lelaki selepas mengumpul 364.26 mata, dengan perbezaan 68.34 mata di belakang pasangan Korea Selatan, Kim Yeongnam-Woo Haram.